

LATIH TUBI SET 10

KERTAS 1

Jawab **semua** soalan.

Masa 1 jam 15 Minit

**BAHAGIAN A
(20 MARKAH)**Jawab **semua** soalanMasa yang dicadangkan untuk bahagian ini ialah **30 minit**

Soalan 1 hingga 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Pilih satu jawapan yang terbaik bagi tiap-tiap soalan dan **bulatkan** jawapan anda di dalam kertas jawapan yang disediakan.

1. Ilmu ini wajib diketahui oleh setiap orang Islam.

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A. Ilmu Fardhu Ain
 - B. Ilmu Falsafah Islam
 - C. Ilmu Fardhu Kifayah
 - D. Ilmu Tamadun Islam
2. Seseorang khalifah mestilah mempunyai ciri-ciri berikut KECUALI.
- A. Pengetahuan yang luas
 - B. Adil dalam pentadbiran
 - C. Menumpukan taat setia kepada negara
 - D. Mempunyai kecerdasan fizikal semata-mata
3. Berikut adalah kelebihan penyelesaian masalah secara Islam, KECUALI
- A. Masalah dapat dikawal
 - B. Masalah menjadi lebih teruk
 - C. Masalah dapat diselesaikan dengan mudah
 - D. Masalah dapat diselesaikan secara menyeluruh
4. Berikut ialah contoh-contoh alam ghaib KECUALI.
- A. Syurga
 - B. Neraka
 - C. Langit
 - D. Sirat
5. Tawakkal bermaksud;
- A. Muhasabah diri
 - B. Betawakkal kepada Allah s.w.t.
 - C. Mendekatkan diri kepada Allah s.w.t.
 - D. Berserah kepada Allah s.w.t. setelah berikhtiar

LATIH TUBI SET 10

6. Penyelesaian masalah secara Islam dilakukan berasaskan perkara berikut, KECUALI.
- Melalui penilaian semula
 - Melalui pendidikan
 - Melalui nasihat
 - Melalui doa
7. Berikut adalah prinsip-prinsip pemerintahan Islam, KECUALI.
- Keadilan
 - Kebebasan
 - Musyarakah
 - Musyawaharah
8. Berikut adalah sumber penyelesaian masalah Islam, KECUALI.
- Al-Quran
 - Al-Hadis
 - Al-Ijmak
 - Al-Qisas
9. Langkah awal untuk menyelesaikan masalah menurut Islam ialah _____
- Berdoa kepada Allah s.w.t.
 - Bertawakkal kepada Allah s.w.t.
 - Berpegang teguh kepada ajaran agama
 - Mengenal pasti setiap masalah yang berlaku
10. Matlamat penyelesaian masalah terhadap masyarakat ialah _____
- Melahirkan semangat kerjasama dan perpaduan
 - Memberi ketenangan dalam kehidupan
 - Memajukan negara dari segi ekonomi
 - Menambahkan keimanan dalam diri

Soalan 11 hingga 13, jawapan berdasarkan jadual berikut.

A	B	C	D
Jamak	Qasar	Rukhsah	Witir

- Solat empat rakaat dijadikan dua rakaat sahaja.
- Kelonggaran.
- Dua solat fardhu yang dihindarkan.

LATIH TUBI SET 10

14. Berikut adalah kepentingan harta terhadap pembangunan negara. KECUALI
- A. Meningkatkan taraf hidup diri dan keluarga
 - B. Membina pusat latihan kemahiran
 - C. Memajukan sektor ekonomi
 - D. Membina IPTA dan IPTS
15. Punca berlakunya masalah perpecahan umat Islam ialah
- i. Lemah dalam ilmu sains dan teknologi
 - ii. Perbezaan pendapat dan fahaman
 - iii. Leka dengan kemewahan hidup
 - iv. Lemah iman kepada Allah s.w.t
- A. i, ii dan iii
 - B. ii, iii dan iv
 - C. i, ii dan iv
 - D. i, iii dan iv
16. Yang manakah antara berikut BENAR mengenai ijtihad
- i. Berkaitan hal agama dan hal-hal umum
 - ii. Dikeluarkan oleh sekumpulan ulama'
 - iii. Merujuk kepada pelbagai sumber
 - iv. Berkaitan isu-isu semasa
- A. i, ii dan iii
 - B. ii, iii dan iv
 - C. i, ii dan iv
 - D. i, iii dan iv
17. Kepentingan semangat juang dalam kehidupan manusia ialah
- i. Memperbaiki kelemahan
 - ii. Berdisiplin tinggi
 - iii. Bersikap pasif
 - iv. Bermotivasi
- A. i, ii dan iii
 - B. ii, iii dan iv
 - C. i, ii dan iv
 - D. i, iii dan iv
18.

Satu bentuk simpanan dan pelaburan wang

- Pernyataan di atas merujuk kepada
- i. Al-Wadiah
 - ii. Al-Murabahah
 - iii. Al-Mudharabah
 - iv. Al-Musyarakah

LATIH TUBI SET 10

- A. i, ii dan iii
- B. ii, iii dan iv
- C. i, ii dan iv
- D. i, iii dan iv

19.

Hakim tidak boleh menyebelahi mana-mana pihak sama ada pendakwa atau tertuduh.

Pernyataan di atas merujuk kepada;

- A. Sifat hakim
- B. Etika kehakiman
- C. Prosedur kehakiman
- D. Peraturan keterangan

20. Pernyataan berikut adalah BENAR mengenai hadis, KECUALI

- A. Menguatkan hukum-hukum yang terdapat dalam al-Quran
- B. Merupakan sumber rujukan yang pertama dalam Islam
- C. Menghuraikan nas-nas al-Quran yang mujmal
- D. Menentukan maksud nas yang umum

BAHAGIAN B

(20 markah)

*Jawab semua soalan*Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini ialah **45 minit**.

1. Tuliskan jawapan yang betul di dalam ruangan yang disediakan

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

- a. Naskhah al-Quran yang bertulis tangan atau bercetak.
- b. Malaikat yang menyampaikan wahyu daripada Allah s.w.t.
- c. Surah yang terpendek di dalam al-Quran.
- d. Tempat wahyu pertama diturunkan
- e. Kitab terakhir yang diturunkan kepada nabi Muhammad s.a.w.

	1
	1
	1
	1
	1

2. Lengkapkan pernyataan berikut :

a. Penceroohan harta berlaku disebabkan tidak menghayati ajaran _____ yang sebenar.

1

b. Allah s.w.t. melarang menceroohi harta orang lain kerana perbuatan ini boleh membawa kepada _____ dalam masyarakat.

1

c. Mengabaikan hak-hak yang wajib ke atas harta merupakan salah satu bentuk _____ harta.

1

d. Urusan harian manusia yang berkaitan ekonomi seperti jual beli, sewa menyewa dan sebagainya dinamakan _____


1

e. Nabi Muhammad s.a.w. , Nabi Ibrahim a.s., Nabi Isa a.s., Nabi Nuh a.s. dan Nabi Musa a.s. dikenali sebagai rasul-rasul _____

1

3. Carta di bawah menunjukkan pembubaran perkahwinan dalam Islam

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa



a. Tuliskan istilah pada x dan y

i. x : _____

ii. y : _____

b. Nyatakan perbezaan x dan y

i. x : _____

ii. y : _____

LATIH TUBI SET 10

4. Tandakan samada pernyataan berikut **benar** ATAU **salah** dengan menandakan (✓) pada kotak berkenaan Untuk Kegunaan Pemeriksa

	BENAR	SALAH	
a. Keunggulan Islam tidak sekadar berkaitan dengan aspek spiritual tetapi juga meliputi aspek material.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> 1
b. Bekerja sendiri terikat dengan waktu dan tempat.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> 1
c. Prinsip-prinsip kebudayaan bukan Islam dibina dan dibentuk berdasarkan pengalaman semata-mata.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> 1
d. al-Qias bermaksud menghubungkan hukum yang tiada kepada hukum yang ada kerana persamaan illat.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> 1
d. Akhlak ialah segala bentuk tingkah laku, etika, moral atau sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> 1
e. Dalam pemerintahan Islam, hanya seorang ketua sahaja yang berhak membuat keputusan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> 1

B4

LATIH TUBI SET 10

KERTAS JAWAPAN

Bahagian A

1 A B C D

11 A B C D

2 A B C D

12 A B C D

3 A B C D

13 A B C D

4 A B C D

14 A B C D

5 A B C D

15 A B C D

6 A B C D

16 A B C D

7 A B C D

17 A B C D

8 A B C D

18 A B C D

9 A B C D

19 A B C D

10 A B C D

20 A B C D

BAHAGIAN A

SOALAN KERTAS 1 TAMAT

LATIH TUBI SET 10

KERTAS 2
MASA 2 JAM 30 MINIT

(100 MARKAH)

Jawab Lima soalan.

Soalan **1 wajib** dijawab dan pilih **empat** soalan yang lain.

1. a. (i) Berikan pengertian wahyu dari segi bahasa dan istilah. [4 markah]
- (ii) Nyatakan **tiga** perbezaan antara wahyu dan akal. [6 markah]
- b. Berikan empat contoh perkara yang tidak mampu difikirkan oleh akal tanpa wahyu [4 markah]

Antara ciri-ciri wahyu ialah tetap dan tidak berubah

- c. (i) Pada pandangan anda, mengapakah wahyu tidak boleh berubah atau dipinda? [4 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** aktiviti yang boleh disertai oleh murid untuk menambahkan kecerdasan akal [2 markah]
2. a. Murunah adalah ciri pandangan hidup Islam yang penting
- (i) Terangkan maksud murunah [2 markah]
- (ii) Jelaskan **tiga** kelebihan murunah [6 markah]
- b. Terangkan perkaitan antara murunah dengan thabat dalam kehidupan seharian serta contoh [4 markah]
- c. Rabbaniyah ialah ciri penting yang membuktikan Islam agama unggul
- (i) Nyatakan **dua** sifat Rabbaniyah [2 markah]
- (ii) Islam sentiasa menuntut umatnya berusaha meningkatkan keilmuan
- Terangkan **tiga** sumbangan yang pelajar dapat lakukan bagi mencapai matlamat tersebut [6 markah]

LATIH TUBI SET 10

3. a. Sifat materialistik telah mempengaruhi pemikiran kebanyakan umat Islam masa kini.
- (i) Nyatakan maksud fahaman materialistik [2 markah]
 - (ii) Nyatakan **dua** contoh aktiviti masyarakat Islam kini yang dipengaruhi oleh amalan materialistik [4 markah]
- b. Ajaran sesat yang disebarkan oleh orang yang tidak bertanggungjawab akan mendatangkan kesan buruk kepada individu, masyarakat, agama dan negara.
- (i) Berikan **dua** ciri ajaran sesat yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) [4 markah]
 - (ii) Cadangkan beberapa cara membentaras ajaran sesat [4 markah]
 - (iii) Jelaskan **tiga** kesan ajaran sesat kepada masyarakat [6 markah]
4. a. Sebagai Khalifah Allah, manusia dipertanggungjawabkan untuk mengatur kehidupan berdasarkan syariat Islam.
- (i) Berikan **tiga** syarat untuk menjadi seorang khalifah atau ketua negara [6 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** tugas atau tanggungjawab seorang pemimpin Islam [4 markah]
- b. Sistem kehakiman Islam adalah untuk menegakkan keadilan
- (i) Jelaskan **tiga** etika kehakiman seseorang hakim [6 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** akibat terhadap masyarakat sekiranya hakim tidak berlaku adil dalam perbicaraan [4 markah]
5. a. Perundangan Islam antara lain bertujuan memelihara keturunan
- (i) Bagaimanakah perundangan Islam dapat memelihara keturunan. [4 markah]
 - (ii) Nyatakan **dua** contoh perlakuan yang mencemarkan imej Islam [2 markah]
- b. Perpaduan menjamin kesejahteraan umat.
- (i) Jelaskan **dua** kepentingan perpaduan dalam sesebuah masyarakat [4 markah]

LATIH TUBI SET 10

- (ii) Terangkan usaha untuk memantapkan lagi perpaduan di kalangan pelajar sekolah anda. [4 markah]
- c. Membuang masa adalah sikap buruk yang perlu dikikis.
Bagaimanakah sikap ini boleh di atasi di kalangan pelajar. [6 markah]
6. a. Manusia bebas memiliki harta dan membelanjakannya.
- (i) Nyatakan **tiga** cara membelanjakan harta agar ianya diredhai Allah s.w.t. [6 markah]
- (ii) Bagaimanakah harta yang dicari dianggap sebagai ibadah di sisi Allah s.w.t. [4 markah]
- b. Bermuamalah secara Islam mempunyai keistimewaan yang tertentu.
- (i) Terangkan **dua** keistimewaan tersebut [4 markah]
- (ii) Nyatakan **tiga** syarat sah jual beli menurut Islam [6 markah]
7. a. Islam tidak menafikan hak wanita untuk bekerja
Terangkan tiga syarat yang dituntut oleh Islam terhadap wanita yang bekerja. [6 markah]
- b. Cadangkan **dua** cara mencegah remaja daripada mengamalkan pergaulan bebas. [4 markah]
- c. Setiap muslim hendaklah melaksanakan tanggungjawabnya kepada Allah s.w.t, rasul, pemerintah dan negara
- (i) Huraikan tanggungjawab setiap muslim terhadap negaranya [4 markah]
- (ii) Pentadbir negara Islam hendaklah seorang yang bertakwa
Jelaskan **tiga** ciri seorang pentadbir yang bertakwa [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

LATIH TUBI SET 10

SKEMA KERTAS 1

BAHAGIAN A

- | | | | |
|-----|---|-----|---|
| 1. | A | 11. | B |
| 2. | D | 12. | C |
| 3. | B | 13. | A |
| 4. | C | 14. | A |
| 5. | D | 15. | D |
| 6. | A | 16. | A |
| 7. | C | 17. | C |
| 8. | D | 18. | D |
| 9. | D | 19. | B |
| 10. | A | 20. | B |

BAHAGIAN B

1.
 - a. Mushaf / Suhuf
 - b. Jibril
 - c. Al-Kausar
 - d. Gua Hira'
 - e. al-Quran
2.
 - a. Islam
 - b. Perpecahan / Pergaduhan / Perbalahan
 - c. Pencerobohan
 - d. Muamalah
 - e. Ulul Azmi
3.
 - a.
 - i. Raj'ie
 - ii. Khulu' / tebus talak
 - b.
 - i. Boleh dirujuk semula
 - ii. Boleh dirujuk dengan akad yang baru
4.
 - a. Benar
 - b. Salah
 - c. Benar
 - d. Benar
 - e. Benar
 - f. Salah

LATIH TUBI SET 10

SKEMA KERTAS 2

1. a. i. Wahyu pada bahasa ialah :
Isyarat, ilham panduan, nasihat yang disampaikan ke dalam hati manusia.
Wahyu pada istilah ialah :
Kalam Allah sesuatu yang disampaikan kepada nabi dan rasul melalui malaikat Jibril mengenai syariat Allah untuk menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

[2 isi x 2 = 4 markah]

WAHYU	AKAL
1. Wahyu disampaikan kepada para nabi dan rasul 2. Wahyu menjelaskan perkara yang tidak mampu difikirkan oleh akal manusia 3. Kebenaran wahyu adalah mutlak 4. Wahyu adalah kekal 5. Wahyu berhenti dengan wafatnya Nabi Muhammad s.a.w.	1. Akal adalah anugerah Allah kepada manusia 2. Akal dapat mencapai sesuatu benda yang dapat dirasa, dipegang atau dilihat sahaja. 3. Akal tidak berupaya membawa kebenaran mutlak 4. Akal sentiasa berubah 5. Akal terus berkembang

[2 isi x 2 = 4 markah]

- b. Dua contoh perkara yang tidak mampu difikirkan oleh akal tanpa wahyu :
1. Perkara akidah
 2. Perkara ghaib
 3. Alam kubur
 4. Hari kiamat
 5. Zat dan sifat Allah s.w.t.

[4 isi x 1 = 4 markah]

- c. i. Pandangan wahyu tidak boleh berubah atau dipinda :
1. Wahyu mempunyai kebenaran mutlak
 2. Sesuai diamalkan pada setiap waktu, zaman dan tempat
 3. Wahyu lengkap dan sempurna, merangkumi dunia dan akhirat
 4. Wahyu tidak diturunkan selepas kewafatan Rasulullah s.a.w.

[2 isi x 2 = 4 markah]

- ii. Dua aktiviti yang boleh disertai oleh pelajar untuk menambahkan kecerdasan akal:
1. Banyak membaca
 2. Banyak melakukan perbincangan ilmu
 3. Banyak melakukan kajian
 4. Makan makanan yang berkhasiat.

[2 isi x 1 = 2 markah]

- 2 a. i. Maksud murunah

Ajaran Islam boleh berubah mengikut kesesuaian tanpa mengubah prinsip yang telah ditetapkan oleh Al-Quran dan Al-Hadis

[1 isi x 2 = 2 markah]

LATIH TUBI SET 10

ii. Tiga kelebihan murunah

1. Menunjukkan sifat toleransi / berhikmahnya Islam
2. Menarik minat orang bukan Islam memahami Islam / masuk Islam / dakwah kepada orang bukan Islam
3. Menggalakkan umat Islam mentaati dan melaksanakan perintah Allah dengan sempurna
4. Memastikan kesinambungan Islam dan ajarannya di dunia ini
5. Islam memudahkan umatnya

[3 isi x 2 = 6 markah]

b. Perkaitan antara murunah dengan thabat dalam kehidupan:

Ajaran Islam bersifat tetap / thabat dari segi perinsip / dasarnya tetapi dari segi pelaksanaannya adalah murunah / berubah / fleksibel / mengikut kesesuaian yang dibenarkan oleh Islam.

[2 isi x 1 = 2 markah]

Contohnya :

-Menutup aurat adalah wajib tetapi pelaksanaannya dari segi fesyen adalah mengikut kesesuaian dalam Islam.

-Solat wajib ditunaikan tetapi ada kelonggaran dari segi cara melaksanakannya.

[1 isi x 2 = 2 markah]

c. i. Dua sifat Rabbaniyah :

1. Islam agama yang diwahyukan
2. Islam dan seluruh makhluk adalah kepunyaan Allah
3. Islam adalah agama yang sesuai dengan fitrah manusia

[2 isi x 1 = 2 markah]

ii. Tiga sumbangan untuk meningkatkan keilmuan

1. Sentiasa membaca berbagai bahan bacaan yang berfaedah
2. Sentiasa membuat kajian dan penelitian
3. Sentiasa mendampingi orang-orang berilmu

[3 isi x 2 = 6 markah]

3. a. i. Fahaman materialistik bermaksud :

Satu fahaman falsafah yang menilai kehidupan dunia berdasarkan kebendaan dan akal semata-mata

[1 isi x 2 = 2 markah]

ii. Contoh aktiviti masyarakat yang dipengaruhi oleh fahaman materialistik :

1. Meninggalkan solat kerana mengejar keuntungan perniagaan
2. Sikap ibubapa yang menganggap sekolah agama tidak mempunyai prospek dan masa depan yang kurang menguntungkan
3. Bermegah dengan barang mewah
4. Pembaziran dalam berbelanja

[2 isi x 2 markah = 4 markah]

LATIH TUBI SET 10

b. i. Dua ciri-ciri ajaran sesat :

1. Mentafsir dan menghurai Al-Quran dan Al-Hadis sesuka hati
2. Mengadakan bida'ah atau pendapat baru tentang akidah dan syariat
3. Pendewaan diri atau pemimpin atau kumpulan ajaran tersebut secara yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah
4. Mempertikaikan kebenaran Al-Quran dan As-Sunnah

[2 isi x 2 markah = 4 markah]

ii. Beberapa perkara membenteras ajaran sesat :

1. Memberi pendedahan kepada masyarakat tentang ajaran Islam yang sebenar
2. Mengenakan hukuman yang berat ke atas pesalah ajaran sesat
3. Sentiasa melakukan operasi pemantauan dan pembasmian tempat-tempat yang mempunyai unsur khurafat.
4. Program kaunseling kepada pengikut-pengikut ajaran sesat.

[2 isi x 2 = 4 markah]

iii. Tiga kesan ajaran sesat kepada masyarakat :

1. Masyarakat tidak aman dan tenteram
2. Memutuskan tali persaudaraan dan hubungan dengan masyarakat sekeliling
3. Berlaku kerosakan dalam rumah tangga seperti penceraian
4. Sanggup melakukan pembunuhan kerana taasub dengan ajaran mereka.
5. Masyarakat mengamalkan perkara khurafat dan syirik.

[3 isi x 2 markah = 6 markah]

4. a. i. Syarat khalifah atau ketua negara :

1. Seorang muslim yang mukmin
2. Berilmu dan memahami masalah negara
3. Adil dan saksama
4. Kemampuan mental dan fizikal
5. Lelaki
6. Berpengaruh dan baik keturunan
7. Berakhlak mulia dan berani

[3 isi x 2 = 6 markah]

ii. Tugas atau tanggungjawab pemimpin Islam :

1. Melaksanakan hukum syariat tanpa mengira masa dan tempat
2. Memelihara kesucian agama Allah s.w.t. dan 'amar makruh nahi mungkar'
3. Menjaga kedaulatan dan kemerdekaan negara
4. Melaksanakan undang-undang jenayah secara menyeluruh
5. Berjihad menentang musuh
6. Mengagihkan harta negara kepada yang berhak

[2 isi x 2 = 4 markah]

LATIH TUBI SET 10

- b. i. Etika kehakiman :
1. Hakim tidak boleh menyebelahi mana-mana pihak samada pendakwa atau tertuduh
 2. Hakim hendaklah jujur dan amanah dalam tugasnya
 3. Tidak boleh menghakimi orang yang ada kepentingan dengannya
 4. Tidak boleh menstabilkan kesalahan jika aa keraguan
- [3 isi x 2 = 6 markah]
- ii. Akibat jika hakim tidak berlaku adil :
1. Keadilan tidak dapat ditegakkan
 2. Keputusan mahkamah akan dipertikaikan
 3. Menjatuhkan maruah hakim
 4. Menimbulkan perasaan tidak puas hati anggota masyarakat / pergaduhan.
 5. Undang-undang Islam akan diragui
- [2 isi x 2 = 4 markah]
5. a. i. Perundangan Islam dapat memelihara keturunan :
1. Hukum hudud bagi kesalahan zina.
 2. Hukum qazaf.
 3. Kewajipan menutup aurat.
 4. Mewajibkan perkahwinan mengikut syarak.
- [2 isi x 2 = 4 markah]
- ii. Dua perlakuan yang mencemarkan imej Islam :
1. Permusuhan dan pergaduhan sesama umat Islam
 2. Melakukan perbuatan yang bercanggah dengan syarak seperti makan di siang hari dalam bulan Ramadan di khalayak ramai
 3. Berakhlak dengan akhlak yang buruk
 4. Pergaulan bebas lelaki dan perempuan.
 5. Berpakaian tidak menutup aurat.
- [2 isi x 2 = 4 markah]
- b. i. Dua kepentingan perpaduan dalam masyarakat :
1. Mewujudkan kerjasama / tolong menolong antara satu sama lain
 2. Mengeratkan persaudaraan / ukhuwah
 3. Mendapat keberkatan Allah s.w.t.
 4. Menjamin keselamatan negara
- [2 isi x 2 = 4 markah]
- ii. Usaha untuk memantapkan perpaduan di kalangan masyarakat sekolah :
1. Program Hari Kantin / sukan yang melibatkan semua pelajar.
 2. Solat berjamaah / khemah ibadat.
 3. Gotong royong membersihkan kawasan sekolah.
 4. Melibatkan diri dalam aktiviti persatuan / kokurikulum.
- [2 isi x 2 = 4 markah]

LATIH TUBI SET 10

- c. Cara mengatasi masalah membuang masa di kalangan pelajar :
1. Memberi kesedaran / motivasi kepada pelajar supaya menghargai masa
 2. Mengadakan program pengurusan masa berkesan kepada pelajar
 3. Menyediakan aktiviti berfaedah yang tersusun dan terancang
 4. Pemantauan dari pihak sekolah / ibu bapa / masyarakat
- [3 isi x 2 = 6 markah]
6. a. i. Cara membelanjakan harta agar diredhai oleh Allah s.w.t. :
1. Membelanjakan harta tanpa boros atau membazir
 2. Membantu golongan yang miskin
 3. Manfaatkan harta untuk kepentingan orang ramai, contohnya membina kemudahan asas
 4. Mengeluarkan zakat atau menunaikan hak-hak yang wajib terhadap harta
- [3 isi x 2 = 6 markah]
- ii. Usaha mendapatkan harta yang diredai oleh Allah s.w.t. :
1. Harta yang dimiliki daripada sumber yang halal
 2. Mencari harta dengan niat kerana Allah
 3. Tidak meninggalkan ibadah fardu semasa mencari harta
- [2 isi x 2 = 4 markah]
- b. i. Keistimewaan muamalah Islam:
1. Menjadikan harta sebagai alat untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. seperti zakat
 2. Mengalakkan manusia melakukan kebajikan melalui harta yang dimiliki seperti sedekah
 3. Melarang manusia mengumpulkan harta dengan cara penindasan seperti menipu dan mencuri
 4. Melarang manusia menggunakan harta ke jalan yang salah dan tidak memberi faedah seperti membazir dan kedekut
- [2 isi x 2 = 4 markah]
- ii. Syarat sah jual beli :
1. Persetujuan antara penjual dan pembeli
 2. Penjual dan pembeli mestilah sorang yang mukallaf dan berakal
 3. Pemilihan yang sah
 4. Barang yang hendak dijual mestilah suci dan halal
 5. Barang yang hendak dijual wujud semasa berlakunya kontrak jual beli
- [3 isi x 2 = 6 markah]

LATIH TUBI SET 10

7. a. Tuntutan Islam terhadap wanita yang bekerja :
- Menjaga maruah diri dan menutup aurat
 - Menjaga maruah keluarga
 - Memelihara batas-batas pergaulan
 - Melaksanakan ibadah
 - Melaksanakan tanggungjawab sebagai ibu dan isteri
- [3 isi x 2 = 6 markah]
- b. Dua cara mencegah remaja dari mengamalkan pergaulan bebas tanpa kawalan ibu bapa :
- Didikan agama yang sempurna.
 - Ibu bapa memberi kasih sayang / kawalan ibu bapa / keperihatinan daripada ibu bapa.
 - Perbincangan dengan ahli keluarga.
 - Mengeratkan hubungan kekeluargaan / program kekeluargaan.
 - Solat berjamaah sesama ahli keluarga.
- [2 isi x 2 = 4 markah]
- c. i. Tanggungjawab setiap muslim terhadap negaranya :
- Memajukan negara
 - Menjaga keselamatan negara
 - Mendaulatkan undang-undang
- [2 isi x 2 = 4 markah]
- ii. Tiga ciri seorang pentadbir yang bertakwa :
- Mengutamakan hak kepada Allah
 - Berpegang kepada Al-Quran dan Hadis
 - Memiliki sifat-sifat yang terpuji
 - Sentiasa adil dalam tindakan
- [3 isi x 2 = 6 markah]

SKEMA TAMAT

CATATAN

CATATAN

